

lain iaitu Akta Hasutan 1948 dan Akta Penapisan Filem 2002, manakala, satu (1) kes disiasat oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di bawah Akta Hasutan 1948 dan suspek mengaku salah di bawah Pertuduhan Pilihan di bawah Seksyen 233 AKM 1998.

Di samping itu, Kementerian ini dalam proses meminda undang-undang dan peraturan sedia ada iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (ASKM) 1998 dengan mengambil kira peruntukan-peruntukan penting mengenai urusan tadbir dan penguatkuasaan. Kementerian akan mengadakan beberapa siri libat urus (*engagement*) bersama pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) termasuk Badan Bukan Kerajaan. Pindaan akta tersebut dijangka akan dibentangkan seawal bulan Oktober 2015 atau awal tahun hadapan, 2016.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK SAPAWI BIN AHMAD  
DARIPADA WASALI [ SIPITANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang disenaraihitam setakat penghujung tahun 2014 akibat kegagalan membayar balik pinjaman mereka.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Tindakan menyenarai hitam/ menghalang peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ke luar negara melalui Jabatan Imigresen Malaysia dan seterusnya saman/membawa peminjam ke mahkamah merupakan langkah terakhir diambil oleh PTPTN ke atas peminjam yang dikategorikan sebagai peminjam tegar. Tindakan dilakukan setelah pelbagai langkah peringatan supaya mula membayar balik pinjaman tidak dipedulikan oleh mereka. Sehingga 31 Disember 2014, seramai 84,696 orang peminjam PTPTN telah di senarai hitam.